

**KAJIAN PERMASALAHAN PEMBANTU RUMAH WARGA
INDONESIA DI BANDARAYA KUCHING**

AZLIN B. SYLVIA 97041105

SYDNEY KASSIM 96996868

ASHARD B. SAMSHU 97315460

SITI SHOLYANA ISNANI 96991475

SHARMILLAWATI BT. JUHAILI 96997118

Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan bagi memenuhi keperluan Diploma
Pentadbiran Awam

FAKULTI PENATDBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN

JUN 2000

PERAKUAN

Dengan ini kami membuat pengakuan bahawa segala hasil kertas projek ini adalah dari sumber penyelidikan kami sendiri dan segala rujukan penyelidikan adalah dari sumber-sumber yang diakui serta dibenarkan.

PENYELIDIK :




Azlin b. Sylvia




Sydney Kassim



Ashard b. Samshu



Siti Sholyana Isnani



Sharmillawati bt. Juhaili

PENYELIA :

Puan Mary Gunjew

Pensyarah Pentadbiran dan Undang-Undang

Universiti Teknologi MARA

Kampus Samarahan

Abstrak

Kajian permasalahan pembantu rumah asing iaitu warga Indonesia dibuat disekitar bandaraya Kuching khususnya Petra Jaya. Untuk menjayakan kertas kerja ini seramai 100 orang responden telah dipilih dikalangan penduduk Petra Jaya. Antara hipotesis yang dikaji dalam kajian ini ialah berkenaan dengan perkhidmatan pembantu rumah asing dan tempatan. Serta perkaitan pengambilan pembantu rumah asing dengan golongan atasan atau menengah atau ibu bapa yang bekerja, pengalaman dan mutu kerja adalah menentukan kadar atau jumlah ganjaran yang diberikan kepada mereka. Daripada kajian ini, dapatlah dikenal pasti permasalahan yang melanda pembantu rumah atau tempatan serta majikannya. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan analisa data ialah temuduga dan pengedaran borang selidik. Berdasarkan objektif kajian ini kami mendapati respon penduduk terhadap pembantu rumah rumah asing amat mengalakkan di mana lebih ramai responden mengambil pembantu rumah asing berbanding pembantu rumah tempatan.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan Kajian	1-2
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Hipotesis	4
1.4	Penyata Masalah	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Pengkonstrenan Kajian	7-8
1.7	Susunan Bab [Outline Kajian]	9

BAB 2 TINJAUAN LITERATURE

2.1	Tinjauan Literature	10-12
-----	---------------------	-------

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Data Primer	13-14
3.2	Data Sekunder	15-16
3.3	Populasi Kajian	17
3.4	Sampel Saiz	17
3.5	Teknik Persampelan	17-18

BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1- 4.28	Gambarajah Hasil Kajian	19-28
4.29	Ulasan Hasil Kajian	29-34
4.30	Pendapat dan Cadangan Responden	35-36

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Jenis-Jenis Penderaan	37-39
5.2	Masalah Pembantu Rumah Dan Majikan	40-43
5.3	Kesan Mempunyai Pembantu Rumah	44-46
5.4	Langkah-langkah Mengatasi	47-48

BIBLIOGRAFI

49

LAMPIRAN

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan Kajian

Di negara yang ekonominya berkembang pesat banyak pasangan suami isteri yang terpaksa bekerja untuk menampung keperluan kos hidup yang sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Perkembangan seperti ini tentu sekali boleh menjejaskan urusan rumahtangga dan pengabaian anak-anak yang tidak dijaga. Oleh yang demikian, mengambil orang gaji atau pembantu rumah untuk membantu menguruskan rumahtangga sewaktu ketiadaan mereka di rumah.

Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan seseorang pembantu rumah bukanlah suatu perkara mudah lebih-lebih lagi jika mahu yang boleh dipercayai dan dikira sesuai. Masalah ini bukanlah satu perkara yang baru, tetapi berlaku sejak awal tahun 80an lagi. Maka sebab itu, menjelang pertengahan tahun 80an ramai juga pasangan suami isteri yang sama-sama keluar bekerja, mula mendapatkan khidmat pembantu rumah warga Indonesia dan Filipina yang datang ke negara kita. Pembantu-pembantu rumah warga asing tersebut berkhidmat tanpa mengira keturunan atau kaum.

Budaya mengambil pembantu rumah dari kalangan warga asing ini terus berkekalan hingga kini, kerana warga tempatan lebih berminat bekerja di sektor lain seperti di kilang-kilang pembuatan dan perindustrian. Antara warga Indonesia dan Filipina, pastinya lebih ramai pembantu rumah warga Indonesia yang memberi khidmat mereka.